

Survival Raja Terletak Pada Sejauh Mana Rakyat Mendukung Sistem Raja Berperlembagaan
Bernama
11 April , 2012

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata survival seseorang Yang di-Pertuan Agong dan Raja terletak kepada setakat mana rakyat mendukung sistem Raja Berperlembagaan.

Beliau berkata walaupun seseorang raja tidak akan dianggap terlibat dengan politik atau siasah, baginda pada sesuatu masa perlu memegang peranan tanpa rasa gentar untuk mendokong aspirasi Raja Berperlembagaan, sungguh pun pernyataan itu dilihat sebagai kata-kata politik.

Memberikan contoh bagaimana seseorang raja perlu memikirkan dan melontarkan pandangan bagaimana rakyat harus berjaya dalam ekonomi, Rais, yang juga seorang pengamal undang-undang berkata walaupun pandangan itu selari dengan aspirasi sesebuah kerajaan, baginda perlu menyanakannya tanpa perasaan bimbang.

"Bagi seseorang sultan yang memikirkan bagaimana rakyatnya harus berjaya dalam ekonomi, ini walaupun jadi kata-kata dalam politik, harus tidak ditakuti oleh sultan dan terus menjaganya.

"Misalnya dalam Perlembagaan Negara, Perkara 153, menuntut supaya hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera di samping menjaga hak-hak yang sah di sisi undang-undang bagi komuniti lain, dijamin oleh Yang di-Pertuan Agong.

Baginda harus pegang itu sebagai satu gantang emas yang bernilai," katanya ketika ditemu bual dalam rancangan Hello Malaysia yang disiarkan secara langsung menerusi saluran televisyen BERNAMA TV di sini, Selasa malam.

Rais berkata sebagai seorang ketua negara atau negeri, baginda harus memegang peranan bagaimana survival bangsanya, negaranya harus terus utuh, yang mana dalam amalan harian boleh menjadi isu politik.

Berhubung pertabalan Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 di Istana Negara, Jalan Duta, beliau berkata pertabalan itu akan memastikan Malaysia mengamalkan sistem berpaksikan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen akan terus kukuh, sejajar dengan keadilan sosial yang diamalkan.

Beliau berkata melihat kepada apa yang diterjemahkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pentadbirannya, beliau yakin keadilan sosial yang diperjuangkan Najib akan dapat diisi dengan sempurna di bawah payung pemerintahan Tuanku Abdul Halim.

Bagi memastikan keadaan itu berjalan lancar, beliau berkata pihak diraja juga harus dapat menerima beberapa perubahan dan melihatkan langkah-langkah kedirajaannya itu berubah yang membawa kepada penerimaan sosial kemasyarakatan yang kuat.

"Jika ini dapat dipegang, maka sistem beraja itu ada konotasi rakyatnya dan rakyat akan menghormati, bukan sebab tradisi tetapi ia memegahkan, meninggikan dan mengekalkan kedaulatan negara," katanya.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah mencatat sejarah ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua setelah pertama kali ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelima pada 1970 semasa berusia 42 tahun, dan kini empat dekad kemudian, baginda ditabalkan sekali lagi sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada usia 84 tahun.

Sementara itu, ketika ditemu pemberita selepas program berkenaan, Rais mencadangkan beberapa perkara dalam Perlembagaan negara terutamanya mengenai konsep Raja Berperlembagaan diajar secara asas kepada rakyat Malaysia.

"Amat baik sekiranya beberapa perkara dalam peruntukan Perlembagaan diajar di sekolah, dan dalam kursus sivik termasuk kepada kepada badan bukan kerajaan.

"Sepatutnya perlembagaan diajar secara asas dan sebagai contoh ketika peringkat sekolah menengah, dalam kursus perkhidmatan awam dan juga lain-lain," katanya sambil menekankan pentingnya institusi diraja sebagai penyatu rakyat.

Beliau berkata institusi diraja juga merupakan asas kepada kenegaraan Malaysia yang turut memberi asas kepada tamadun negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658340>